

05 FEB 1998

Mahathir-Filipina

KRISIS MATA WANG AGENDA UTAMA LAWATAN DR MAHATHIR

MANILA, 5 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan tiba di Manila esok untuk mengadakan perbincangan mengenai penggunaan mata wang negara-negara Asean di sebalik dolar Amerika dalam perdagangan serantau.

Dr Mahathir yang diiringi oleh lima pegawai akan tiba dari Bangkok, iaitu antara tiga rakan Asean yang menyokong pelan itu.

Pemimpin Malaysia itu akan bertemu Presiden Fidel Ramos pada 5.30 petang (waktu tempatan) di Istana Malacanang, kata seorang diplomat.

"Dr Mahathir akan berada di sini untuk beberapa jam sahaja dan lawatan beliau itu tidak menonjol dan ia sebahagian daripada proses rundingan bersama pemimpin-pemimpin Asean yang lain," kata diplomat itu kepada BERNAMA.

Perbincangan antara kedua-dua pemimpin itu akan bertumpu kepada penggunaan mata wang negara-negara Asean dalam aktiviti import-eksport dalam rantau untuk mengurangkan penggantungan terhadap Dolar Amerika yang kini dikatakan menjadi punca krisis mata wang di Asia.

Malaysia, Filipina dan Thailand, tiga negara anggota Asean yang secara prinsipnya telah bersetuju untuk memulakan penggunaan mata wang masing-masing dalam perdagangan serantau.

Indonesia tidak menyertai skim itu memandangkan nilai rupiah berbanding dolar Amerika yang tidak menentu. Ringgit, peso dan baht kini lebih stabil berbanding dolar Amerika.

Sehingga 30 Jan lepas, nilai rupiah telah jatuh 324.1 peratus berbanding dolar Amerika, sementara ringgit dan peso masing-masing turun 73.1 peratus dan 62.4 peratus.

Walaupun negara-negara anggota Asean yang lain masih belum menetapkan pendirian mereka, mereka dijangka menyertai skim itu jika ianya berjaya.

Lawatan Dr Mahathir itu menyusuli persetujuan antara pegawai-pegawai kewangan Malaysia, Filipina dan Thailand untuk menggunakan mata wang masing-masing dalam perdagangan di Asean bagi mengurangkan tekanan spekulatif terhadap mata wang masing-masing.

Walaupun dolar Amerika masih dijadikan rujukan dalam menentukan nilai mata wang, penggunaannya dijangka berkurang 30 peratus di ketiga-tiga negara anggota Asean itu apabila mereka melaksanakan apa yang dikenali sebagai pertukaran "mata wang bagi mata wang", kata para pegawai.

Sebagai contoh: "Di sebalik membayar dalam dolar Amerika, para pengimport Filipina perlu membayar dalam ringgit bagi import dari Malaysia dan baht bagi import dari Thailand," kata Setiausaha Perdagangan dan Industri Cesar Bautista.

Beliau berkata, pegawai-pegawai kanan bank-bank pusat akan bertemu sekali lagi selepas Dr Mahathir dan Ramos bersetuju mengenai kaedah melaksanakan mekanisme pertukaran itu.

Antara yang menjadi tumpuan buat masa ini ialah penubuhan pusat penjelasan serantau untuk memudahkan pembayaran bagi barangan yang diperdagangkan di kalangan Malaysia, Filipina dan Thailand.

Juga akan ditentukan sama ada bayaran akan diselesaikan berdasarkan nilai harian mata wang Amerika ataupun pada tarikh terkemudian selepas urusan selesai. -- BERNAMA

ALB PR